

07 FEB 1998

Anwar-Wanita

CADANGAN TUBUH AMANAH SAHAM WANITA DIPERSETUJUI

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Kerajaan bersetuju pada dasarnya terhadap cadangan penubuhan sebuah amanah saham wanita, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata Suruhanjaya Sekuriti sedang meneliti aspek terperinci amanah saham itu yang dicadangkan oleh Wanita Umno dan Wanita Barisan Nasional (BN) untuk kelulusan.

Cadangan itu, yang telah dibincangkan pada mesyuarat Jemaah Menteri pada Rabu lepas, juga telah mendapat sokongan pertubuhan-pertubuhan wanita.

"Kita anggap ini satu cadangan yang baik kerana ia memberikan ruang kepada wanita untuk menabung dan membeli saham," katanya pada persidangan berita di Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Ketua Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman mengumumkan pada 22 Jan lepas mengenai penubuhan cadangan dana ihsan bagi menggalakkan wanita di negara ini menabung dan melabur di pasaran saham untuk membantu memulihkan ekonomi negara.

Zaharah berkata peringkat kedua dana itu yang akan dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini esok, membabitkan pelaburan wang simpanan ke dalam pasaran saham dengan kelulusan Suruhanjaya Sekuriti.

Anwar berkata perincian mengenai amanah saham itu akan diumumkan pada pada majlis pelancaran berkenaan oleh Dr Mahathir.

Bagi menentukan pengurusan dijalankan secara profesional, Anwar berkata Wanita Umno telah diminta supaya mendapatkan kepakaran Permodalan Nasional Berhad (PNB) untuk membantu dalam pengurusan amanah saham itu.

"Ini supaya pengurusan dibuat secara profesional, tidak terikat kepada mana-mana kepentingan parti dan terbuka kepada semua," katanya.

Katanya langkah itu juga membolehkan kempen besar-besaran dibuat ke seluruh negara untuk mendapatkan penyertaan wanita. -- BERNAMA

AZZ RON